

RAHSIA SOLAT #9: RAHSIA AL-FATIHAH



Solat adalah amalan wajib bagi setiap individu muslim dan mukmin. Matlamatnya ialah mengajak kepada kebaikan (makruf) dan mencegah perbuatan keji dan mungkar. Untuk mencapai matlamat itu, kita perlu tahu apa ciri-ciri atau perincian yang berkaitan dengannya.

Surah Al-Fatihah adalah satu satunya surah yang wajib dibacakan sebagai rukun qauli di setiap solat. Secara general, kerangka besar surah al-Fatihah menerangkan perincian kepada matlamat solat dalam bentuk reflektif: Allah memberitahu kita bukan secara terus, tetapi dengan memberi kita perincian yang paling baik untuk kita membangun agama dan melayakkan diri kita sebagai HAMBANYA yang diredhai. Dengan itu maka kita akan fahami bahawa apa sahaja yang berlawanan dengan ciri-ciri kebaikan yang dijelaskan dalam al-Fatihah itu adalah "perbuatan keji dan mungkar yang harus dicegah".

Inilah kerangka disiplin yang diperlukan untuk membentuk akhlak terbaik sebagai makhluk dan hamba yang Muslim. Tanpa memahami maksud yang mendalam dari Fatihah, maka solat kita

akan jadi sia-sia kerana tidak mampu mengaplikasikan disiplin yang tersirat dari mesej yang tersurat dalam surah itu.

MESEJ BESAR DALAM FATIHAH

1. Surah ini dimulai dengan BASMALAH yang menunjukkan kepada kita betapa pentingnya setiap perbuatan dimulai dengan nama Allah; untuk Allah, kerana Allah dan dengan cara yang Allah tunjukkan. Hadith pun ada menjelaskan bahawa setiap pekerjaan baik sekalipun, jika tidak dimulai atau diniatkan atas nama Allah (dengan basmalah), maka ianya adalah tertolak.

ALLAH tegaskan dalam al-Quran bahawa 'DIA hanya ciptakan jin dan manusia untuk mengabdikan kepadaNYA'. Wajarlah bagi kita kita selaku hamba abdi Allah ini melakukan apa sahaja atas NAMA Allah, untuk dan kerana Allah semata-mata. Jika selain dari itu, maka itulah perbuatan yang keji dan mungkar yang harus dicegah secara pekej melalui hakikat di sebalik ibadah solat.

Asas Basmalah ini sudah ditunjukkan dari wahyu pertama lagi (surah 96 al-Alaq). Itulah dia permulaan al-Qur'an yang mengajak kita iqra' dengan nama ROB kita iaitu Allah. Itulah ASAS BISMILLAH. Mengapa Allah sebut BISMIROB dan tidak terus disebut BISMILLAH? Kerana ada tuntutan iqra', kajian yang melibatkan PENGATUR (Rabb) dan segala ATURAN (Rububiyah) Nya.

Ini menjelaskan lebih lanjut bahawa asas bismillah itu terkait rapat dengan segala macam ATURAN atau RUBUBIYAH Allah selaku pengatur (RABB) kita. Himpunan Rububiyah yang semuanya terkandung dalam al-quran itulah yang sarat dengan RAHMAT Allah yang bersifat AR-RAHMAN . Itulah maksud sebenar AR-RAHMAN, sifat Allah yang dijelaskan lagi dalam surah AR-RAHMAN ayat 1-4.

Dengan berbuat atas nama Allah, menggunakan semua aturan (rububiyah) yang diberikan olehNya maka kita akan menikmati kasih sayang (RAHIM) dan redha Allah sebagai matlamat utama ibadah kita. Itulah AR-RAHIIM, yang juga sifat utama bagi Allah. Jika basmalah itu kita lakukannya secara berjemaah,

maka pasti juga kasih sayang sesama kita juga akan terbit. Itulah fitrah hubungan sesama Muslim.

Demikian hebatnya hikmah basmalah. Berbuat atas NAMA Allah dengan menggunakan segala RAHMAT iaitu berupa petunjuk dan aturannya. Hasilnya ialah kita redha dan cinta kepada Allah dan Allah juga redha dan cinta kepada kita. Budaya redha meredhai dan berkasih sayang itu juga akan terbit di kalangan jemaah sesama kita. Itulah hakikat syurga (Surah 89 Fajr: ayat 27-30).

2. Kemudian kita susuli dengan BERTAHMID kepada Allah yang MENGATUR (Rabb) kita dengan RUBUBIYAH (aturan) NYA di alam ini. Secara reflektif, ia adalah satu penafian agar jangan sampai kita ambil kredit untuk setiap hasil baik dari amalan kita itu. Segalanya harus dipulangkan kepada Allah, PENGATUR kita. Ini kerana kita telah melakukannya kerana Dia, untuk Dia, atas nama Dia dan dengan kaedah atau MANUAL yang dirahmatkan atas kita.

Maka kita dapat faham di sini bahawa sebarang kerja yang mengharapkan pujian ke atas diri kita adalah satu perbuatan keji dan PERLU DICEGAH. Kita tidak boleh mengambil kredit kerana kita ini hanyalah hamba yang melakukannya atas perintah TUAN kita. Tanpa perintah dari Allah kita tidak akan melakukannya. Tanpa petunjuk (RUBUBIYAH) Allah yang menjadi MANUAL yang paling tepat dan berkesan untuk menjayakan amal kita, pastinya kerjabuat kita tidak akan berjaya.

3. Seterusnya kita terus meninggikan Allah, sesuai dengan pujian dalam bertahmid tadi dengan mengisytiharkan sifatNYA yang MAHA PEMURAH (Ar-Rahman) dan MAHA PENYAYANG (Ar-Rahiim). Kita buktikan ikrar itu dengan cara istiqomah mematuhi segala rububiyah (aturan) yang dihadiahkan kepada kita melalui sifat AR-RAHMAN itu untuk terus menikmati kasih sayang Allah melalui sifat AR-RAHIMNYA.

4. Jadikan Allah sebenar-benar MALIK (Raja) dalam diri kita

yang dijunjung segala titah perintahnya sepanjang masa dan hari, bukan pada hari-hari tertentu sahaja. Pengisytiharaan perhambaan ini penting untuk sentiasa mengingatkan kita tentang kedudukan kita, siapa kita berbanding Allah.

5. Buktikan yang Allah itu sebenar-benar RAJA yang berkuasa atas kita, sehingga HANYA kepada Allah sahaja kita MENGABDI dan MEMINTA PERTOLONGAN. Di sini juga dinampakkan tentang konsep berjemaah (NAHNIAH), di mana penggunaan dhomir (kata ganti nama) KAMI digunakan. Islam takkan tertegak secara individu.

Di dalam Al-Quran juga dinampakkan orang yang bersifat keakuan (ANANIAH) ini adalah togho seperti Firaun. Jemaah itu penting kerana di situlah berlakunya saling tolong menolong, pesan memesan dan tegur menegur. Hanya Allah sahaja yang selayaknya TUNGGAL. Jika kita selaku HAMBAA hendak berlagak KEAKUAN, kelak kita akan jadi 'the next firaun'.

6. PERTOLONGAN yang kita pinta dari Allah adalah berupa PETUNJUK kepada JALAN (siroot) yang seharusnya kita amalkan dengan ISTIQOMAH. Ini adalah doa kita kepada pengatur kita, iaitu agar ditunjukkan matlamat / jalan yang lurus menuju kepadaNYA. Itulah matlamat yang harus diistiqomahkan dalam keadaan lurus dan itulah yang paling kita perlukan, iaitu agar hidup kita sentiasa dipandu dengan rujukan yang betul. "Inna ila robbikar ruj'a".

7. Itulah jalan (SIROT) yang apabila kita amalkan dengan ISTIQOMAH akan menghasilkan kebaikan dan kesejahteraan hidup yang sangat NIKMAT. Iaitu semakin hari kita semakin dilimpahi rahmat berupa petunjuk yang semakin luas, jelas dan pasti, juga menikmati kasih sayang Allah dan sesama manusia apabila kita istiqomah mengamalkannya. Tanpanya kita akan dimurkai, semakin jauh dari petunjuk dan semakin lupa kepada aturan Allah. Akhirnya kita akan kebingungan dan tersesat jalan.

Ayat terakhir al-Fatihah ini adalah ayat furqan, membezakan

antara yang baik dengan yang buruk. Dinampakkan perbandingan contoh orang yang hidupnya dalam nikmat kerana istiqomah mengikuti jalan yang lurus, berbanding golongan yang sesat dan dimurkai. Allah dengan sifat ArRahman dan ArRahim memerintahkan agar kita sentiasa ikuti rububiyah yang memberikan hasil baik, dan hindari yang keji.

KESIMPULAN

Berdasarkan huraian di atas, dinampakkan betapa signifikannya surah ini untuk dipanggil penghulu kitab (ibu kitab), kerana ia menampakkan kerangka besar matlamat hidup kita. Itulah jalan yang sepatutnya dilalui, dengan perinciannya ada di dalam surah-surah lain yang akan dibaca selepas Fatihah itu.

Manusia ini secara tabi'nya bersifat lupa. Kita sering lupa hakikat yang kita ini hanyalah HAMBAA. Surah al-Fatihah ini adalah kerangka dasar pembentukan jiwa seorang HAMBAA terhadap Allah selaku Pencipta dan Pengatur hidup kita. Kerana itu juga ia menjadi ibu doa atau pokok segala seruan Allah kepada kita.

Diperintahkan kita membaca berulang-ulang, minima 17 kali sehari dengan penuh kefahaman dan penghayatan, juga mengamalkan segala prinsip di sebalik ayat-ayatnya dalam kehidupan kita sepanjang hari di dalam dan di luar solat.

Dengan memahami dan mengamalkan prinsip di sebalik surah ini, kita semua akan bersatu-hati dan satu faham atas nama Allah yang SATU. Kita juga akan mampu menikmati hidup yang teratur di mana ahli jemaah masing-masing mematuhi aturan yang telah ditetapkan. Hasilnya ialah nikmat hidup yang sejahtera laksana syurga, saling berkasih sayang sesama keluarga, masyarakat, negara mahupun dunia.

Dengan memahami prinsip Fatihah, tidak akan ada lagi yang akan beramal atas nama peribadi, atau atas nama selain Allah. Setiap individu akan mengikut kefahaman dan aturan yang sama. Itu akan mengurangkan gejala selisih faham, adu-domba, pecah belah dan ingin menunjuk-nunjuk kerana kita semua sama-sama

beramal atas satu nama, iaitu nama Allah.

Inilah yang kami terapkan kepada anak-anak agar solat mereka mampu menundukkan diri sebagai hamba Allah yang sejati dan setiap hari meletakkan hanya Allah sebagai raja yang menguasai diri mereka. Dengan ini, apa sahaja titah perintah Allah dari ayat yang akan dibacakan selepas Fatihah itu akan InsyaAllah mudah mereka patuhi sebagai manual kehidupan yang perlu di istiqomahkan.

Kembangkanlah cetusan ini dari sumber lain untuk memantapkan kesan solat kepada anak-anak kita. Bacalah berulang kali jika kurang memahaminya pada bacaan pertama. Namun jika anda tidak mampu mencerna, abaikan sahaja.

Boleh juga rujuk Rahsia Fatihah siri 1-7 dari web kami www.prihatin.net.my

Alhamdulillah,
WARGA PRIHATIN

RUJUKAN:

- <http://prihatin.net.my/blog/2013/08/13/sains-di-sebalik-bismillah/>
- <http://prihatin.net.my/blog/2013/08/15/applied-science-di-sebalik-alhamdulillahirobbil'alamiin/>
- <http://prihatin.net.my/blog/2013/08/15/sains-fatihah-3-ar-rohmannir-rohiim---pengaliran-rahmat-kasih-sayang/>
- <http://prihatin.net.my/blog/2013/08/16/sains-fatihah-4/>
- <http://prihatin.net.my/blog/2013/08/17/sains-fatihah-5-iyaka-nakbud-waiyyaka-nastain/>
- <http://prihatin.net.my/blog/2013/08/20/sains-fatihah-6-applied-science-di-sebalik-ayat-6-surah-al-fatihah/>
- <http://prihatin.net.my/blog/2013/09/07/sains-fatihah-ayat-7/>

Ibu mahu Ejum pulang

Ibu mahu Ejum pulang
Wartawan Sinar Harian
27 Januari 2015



Nurwati

menunjukkan gambar Ejum.

SEGAMAT – Seorang ibu di Taman Indah, Bukit Siput, di sini, mahu anak perempuannya pulang ke rumah berjumpa dengannya selepas anak sulungnya itu bertindak menjauhkan diri daripadanya.

Nurwati Abdul Hamid, 52, berkata, dia sudah tiga tahun terputus hubungan dengan anaknya itu, Jumatul Nuraisyah Sharifudin, 25, yang mesra dipanggil Ejum, selepas anaknya itu menyambung pelajaran ke Universiti Malaysia Perlis (Unimap).

“Dia (Ejum) menyambung pelajaran ke peringkat ijazah di sana

(Unimap) selama empat tahun bermula pada 2010. Ketika itu, hubungan kami seperti biasa dan dia pada peringkat awalnya juga sering menghubungi saya untuk bertanya khabar.

“Apabila saya rindukan Ejum, saya sanggup pergi ke Perlis dengan menaiki bas. Namun, selepas beberapa tahun kemudian, dia seperti berubah dengan menjauhkan diri daripada saya dan langsung tidak pulang ke sini (Segamat),” katanya kepada Sinar Harian.

Menurut ibu dua anak itu, dia juga terkilan apabila Ejum tiba-tiba berubah selepas suaminya berkahwin lain pada 2013 sehinggakan enggan memaklumkan perkembangan terkini dirinya.

Nurwati berkata, dia juga kesal apabila Ejum tidak memaklumkan berhubung majlis konvokesyennya dan hanya mendapat tahu perkhabaran tersebut daripada suaminya beberapa hari sebelum majlis berlangsung.

“Selepas saya tahu dia hendak konvo, saya sendiri pergi ke sana untuk berjumpanya kerana sebagai ibu, sudah tentunya saya mahu lihat anak saya menggenggam segulung ijazah dan berjaya.

“Pertemuan kami ketika itu juga sangat tegang kerana Ejum kelihatan sudah jauh berubah dan saya tidak tunggu sehingga dia selesai konvo kerana dan itulah kali terakhir saya berjumpanya,” katanya.

Menurutnya, ketika itu juga Ejum berkata kepadanya bahawa dia tidak akan pulang sehingga cita-citanya tercapai, tetapi tidak menerangkan dengan lanjut perkara yang ingindicapainya.

Bagaimanapun, Ejum sering menghubungi adiknya, Syafrizal Sharifudin, 23, yang berada di Johor Bahru dan mendapat tahu Ejum kini di Kuala Lumpur dan tidak bekerja.

Nurwati berkata, dia menanggung kos pembelajaran anaknya itu di universiti dengan hanya berniaga apam balik dan dia kesal dengan perbuatan anaknya itu.

“Saya hanya akan maafkan sekiranya dia berjumpa saya di sini.

“Bagaimana dia hendak berjaya jika saya tidak reda dengan setiap apa yang dilakukannya meskipun dia memiliki segulung ijazah” katanya.

Tambahnya, Ejum juga sudah tentu tahu bagaimana untuk menghubungi dan mencarinya kerana dia sendiri membesar di sini (Segamat).

RAHSIA SOLAT #8 : BEZA TAYAMMUM & WUDUK



Solat ialah doa, seru dan dakwah ke arah mengajak manusia, termasuk mengajak diri sendiri dalam mencegah perbuatan keji dan mungkar. Sebelum mengajak manusia, kita harus telah menyucikan anggota sendiri dari segala perbuatan keji dan

mungkar itu. Secara ritual penyucian ini samada dilakukan melalui wuduk atau tayammum. Dalam wuduk kita sucikan diri kita dengan air yang dianalogikan sebagai ilmu dan tausiah.

TAYAMMUM pula ialah satu ritual penyucian yang boleh menggantikan air dalam keadaan air mutlak tidak ada atau anggota tubuh uzur tidak boleh terkena air. Ia hanya melibatkan 2 anggota asas iaitu muka dan tangan.

AIR adalah analogi yang membawa erti "ILMU dan MAKLUMAT". Ilmu yang baik akan mengalir dari atas turun ke bawah, terus mengalir sehingga ke laut. Sepanjang aliran itu ia akan memberi rahmat kepada semua yang berada dalam laluan, juga siapa sahaja yang memilih untuk berada dalam laluan ilmu itu. Sebab itu dalam syurga digambarkan ada sungai yang mengalir di bawahnya. Syurga juga dikaitkan dengan taman atau majlis aliran ilmu.

ILMU juga ada yang bertakung dan tidak mengalir seperti air kolam dan lopak yang ditakung. Lebih lama ia ditakung, ia semakin masam, kurang baik untuk diminum atau mencuci. Apatah lagi jika ia ditakung di bekas logam dan berjemur. Air bertakung ini mungkin baik untuk ternak ikan atau tempat membiak nyamuk.

Dalam keadaan ada ilmu yang boleh dialirkan, maka kita sucikan kerja kotor pada anggota wuduk kita dengan air. Kita sucikan tapak tangan, kemudian semua anggota di wajah kita seperti mata, mulut, hidung, dan. Kemudian sucikan lengan, ubun-ubun (minda), telinga dan langkah kaki kita.

Penyucian melalui aliran ilmu atau nasihat ini biasanya "bermajlis" di majlis ilmu. Kemudian, barulah dakwah atau seruan untuk mencegah keji dan mungkar melalui konsep solat itu boleh dilakukan. Barulah kesan solat secara ACTUAL iaitu mencegah perbuatan keji dan mungkar boleh diterima kerana anggota-anggota orang yang solat, yang biasanya terlibat dengan perbuatan keji itu telah disucikan oleh aliran air atau

ilmu itu.

BAGAIMANA PULA KEADAANNYA BILA TIADA ALIRAN AIR KETIKA BANJIR? ADAKAH SOLAT, DAKWAH MENCEGAH KEJI & MUNGKAR TIDAK WAJIB?

Solat tetap wajib dalam keadaan apa sekalipun. Kita juga tetap perlu sucikan diri terlebih dahulu untuk bersolat yang bertujuan untuk mencegah keji dan mungkar.

Di dalam misi bantuan kemanusiaan pasca banjir minggu lalu contohnya, kami melihat dengan mata dan hati akan banyak kemungkaran yang berlaku. Jika kami ceritakan semuanya ia pasti menjadi bahan untuk netizen menghentam kami.

Kami dapati banyak benarnya maklumat kemungkaran yang telah dikongsikan kepada kami oleh saudara mara yang prihatin di sana sewaktu banjir. Kekalutan saat banjir turut diambil peluang oleh mereka yang tidak bertanggung jawab untuk menangkuk di air keruh. Banyak kejadian samun dan curi, termasuk mengumpul bantuan banjir untuk kepentingan diri tanpa hak. Ramai juga yang menyebarkan berita palsu dan mengada-adakan cerita. Perbuatan itu amat keji sekali.

Waktu banjir ramai gadis mundar-mandir ke hulu ke hilir berpeleseran di air tanpa menutup aurat dengan sempurna. Setengahnya malah ambil peluang mandi manda di khalayak ramai. Baju mereka yang tipis dan basah, dengan sebahagiannya menyingsing kain sampai ke pangkal peha amat menggoda nafsu lelaki. Jangan kata anak muda, atuk-atuk pun kembali berselera menjamu mata. Percampuran bebas di air bersama lelaki perempuan di khalayak ramai juga menyedihkan.

Tujuh hari berada di sana, memang dapat kami saksikan sendiri betapa banyak aurat tidak dijaga walaupun dalam keadaan aman. Anak-anak gadis berkeliaran ke hulu ke hilir tanpa tujuan. Ada yang dengan sengaja menyingsing kain hingga ke peha untuk mengelak lumpur yang hanya beberapa inci tebalnya ketika melalui kumpulan sukarelawan lelaki. Sebahagiannya malah mengenakan pakaian ketat dan amat seksi, juga bersolek dan

berhias seperti jahiliah. Ironinya semua itu berlaku di kampung, depan mata ibubapa mereka sendiri.

Kami sendiri tidak pasti samada mereka adalah anak jati yang menetap di kampung itu? atau yang menetap di luar dan balik kampung sewaktu banjir. Dari penceritaan jujur beberapa penduduk setempat, dikatakan mereka adalah anak jati yang menetap di kampung itu. Mereka sendiri mengakui amat malu dengan gejala sosial di desa mereka, dalam sebuah negeri yang mendapat jolokan SERAMBI MEKAH. Panjang kami bincangkan hal gejala itu dengan mereka.

Kecurian dan penipuan juga berlaku secara terang-terangan di hadapan mata. Ada bekalan bantuan milik warga emas yang tidak berdaya juga dicuri di malam hari. Ini menuntut warga emas yang kehilangan rumah terpaksa berjaga di gelap malam dan hujan di bawah kemah sementara itu. Media malah ada melapurkan kes sukarelawan yang masuk rumah dan menyamun mangsa banjir. MasyaAllah.

Sewaktu kami membaiki sistem elektrik di Masjid Besar Kuala Krai sehari sebelum solat jumaat, pembekal alat elektrik tempatan yang membekal alat ganti mengatakan RPWP adalah kumpulan pertama yang tampil untuk membantu membaikpulih elektrik masjid itu. Kedai beliau sendiri tenggelam dan belum sempat mengemasnya lagi. Puas beliau mengajak rakan-rakan untuk memulihkan fungsi elektrik dan PA system masjid, namun tiada yang sudi walaupun berkelapangan.

Sama juga dengan sifat malas serta tunggu dan lihat sebahagian kaum lelaki di sana. Banyak jalan jadi sehalu kerana sebelah lagi ditutupi rumah atau ranting kayu, termasuk yang sudah diracik. Bukan mahu mengalihkan ranting dan dahan itu, malah menambah dengan longgokan sampah di 'tengah' jalan pula. Padahal siang hari ramai sekali yang bersantai atas longgokan baju di 'wakaf'.

Situasi ini turut disahkan oleh ramai sukarelawan yang

berkampung di sana. Ada yang kata beberapa penghuni lelaki di rumah yang dibantu tidak membantu barang sedikitpun. Mereka malah mengarah-ngarahkan sukarelawan untuk mengangkat dan mencuci itu ini. Lebih sedih lagi melihat ramainya warga lelaki yang menagih dadah dan terhoyong hayang tidak bermaya.

Malu mahu kami katakan semuanya. Cukuplah anda membenarkannya di dalam hati apabila anda berkesempatan melihat atau mendengarnya sendiri dari sumber yang boleh dipercayai. Semua itu adalah perbuatan keji dan mungkar yang perlu dicegah, samada melalui pendekatan kalam atau alam, menggunakan kaedah air dan bibir atau guna pendekatan tanah dan uswah.

TAYAMMUM MENGGANTIKAN WUDUK – PASCA BANJIR

Dalam situasi banjir itu tidak sesuai dan tidak sempat diadakan majlis ilmu. Tiada masa nak berteleku di masjid lama-lama berwirid dan bertazkirah. Maka alternatif penyucian diri ialah melalui TAYAMMUM. Anak-anak tidak banyak kami tausiahan secara teori di sana. Kami ajak mereka bermain debu dan lumpur dengan anggota wajah dan tangan sampai ke pangkal lengan untuk menyucikan diri dan hati lalu mengajak yang lain dengan pendekatan 'bekerja'.

Itulah alternatif dakwah melalui KERJA yang nabi sendiri lakukan. Adakalanya mengajak dengan kata-kata tiada yang mahu ikut. Maka kaedah terbaik ketika itu ialah kita bangkit melaksana agar yang lain membuka mata dan ikut bertindak. Kaedah bekerja itu juga lebih mudah memecahkan keegoan manusia.

Semasa pembinaan parit (Khandak), nabi SAW sendiri bermain dengan debu dan berkotor dalam menggali parit. Bukannya sekadar duduk membilang buah zikir dan berceramah. Tidak juga sekadar bersolawat dan berzikir memuji-muja dengan mulut dan mengharapkan parit Khandak itu tergali sendiri. Nabi juga ikut pikul batu dan batang tamar ketika membina Masjid Quba'. Bahkan baginda juga mara di barisan hadapan dalam perang Badar

dan pernah bangkit menyembelih kambing sewaktu sahabat lambat mematuhi arahan baginda.

Debu dalam TAYAMMUM di tapak projek itu adalah satu bukti kesungguhan kita MEMBANGUNKAN sesuatu dengan sepenuh upaya deria mata, hidung, mulut, telinga di wajah kita lalu kita bangunkannya dengan sekuat daya tangan kita. Langkah kaki sudah tidak penting lagi kerana derapan kaki di sini adalah dengan central command dari kepala misi atau ulilamri. Masing-masing tidak lagi berkeliaran tetapi berbaris-baris dalam saf, bersedia untuk diatur dengan 1 command. Ketika ini, tiada ilmu dan nasihat disampaikan dengan mulut lagi.

Semasa kami berlumpur mengalihkan rumah yang terdampar di tengah jalan serta menghalang laluan utama, ramai lelaki tempatan sekadar memerhatikan tanpa membantu. Ulil amri mereka gagal mengatur jemaah untuk digerakkan membantu apa yang perlu. Banyak bahagian jalan yang tertutup oleh rumah hanyut, pokok tumbang dan sampah banjir terbiar berminggu-minggu.

Ya.. Kami gagal mengajak mereka ke turun tangan selepas 3 kali menyeru bilamana kami kekurangan tenaga. Namun kami yakin anak-anak kami dan mereka yang tercegat juga dapat pelajaran, mampu berfurqon akan keperluan menyucikan anggota mereka tatkala melihat aktiviti 'tayammum' dengan selut pada tangan dan wajah-wajah sukarelawan kami.

Buktinya, setelah kerja berakhir, sambil berkenalan mereka tanyakan adakah kami dibayar untuk melakukan tugas itu? Kami jawab tidak. Malah rombongan kami datang sejauh lebih 600km dengan belanja sendiri. Semuanya kerana Allah. Di situlah tayammum tadi membawa kesan dakwah berkonsepkan SOLAT yang mampu menyeru penduduk setempat untuk menginsafi diri.

Ada yang menangis kesal kerana awalnya menyangka kami adalah instrumen sebuah misionari yang menjalankan tugas bergaji. Selepas itu kami lihat sebahagian mereka mula mengumpul tenaga penduduk untuk bangkit dari tempat perehatan mereka untuk

berjuang dan berusaha. Tidak lagi sekadar duduk melepak menanti bantuan semata-mata (lihat bukti di video buang pokok di jalan).

Ibu-ibu RPWP bersama anak-anak nisak kami juga turun bersama-sama ke tempat-tempat bencana untuk menghulur bantuan namun masih tetap menutup aurat dengan sempurna walaupun dengan Gumboot berlumpur. Kami perasan juga perubahan pada hari-hari berikutnya apabila anak-anak gadis dan kaum ibu di situ mula memerhatikan akan hal aurat itu.

KESIMPULAN

Alhamdulillah ada yang sebelum itu berpeluk tubuh menghadapi ketentuan bencana telah bangkit dan berusaha selepas bersilah dengan kami seusai kerja. Yang tadinya berpecah-belah tanpa pengatur yang mampu memimpin dan menyatukan penduduk sudah mampu bangkit mengatur sumber daya manusia. Yang mundur-mandir mendedah aurat sudah tidak kelihatan lagi, bahkan ada yang mula belajar menutup kepala dengan tuala mandi.

Bukankah itu satu kesan dakwah dari tayammum dan solat melalui kerjabuat yang mampu menyeru penduduk dalam mencegah keji dan mungkar?

Itulah hebatnya kuasa penyucian menggunakan konsep debu dan lumpur, bahan asas kejadian manusia. Jangan kata sekadar hadas kecil atau junub, najis mughalazah pun boleh disertu dengan adanya air lumpur. Contohnya manusia yang berperangai suka menyondol macam khinzir (Surah 5/60), yang togho (sombong) dan tidak boleh dinasihati dengan mulut pun insyaAllah boleh 'berubah' dengan pengaruh kerja buat berlumpur ini.

Itulah perlunya kita meneliti hakikat dan rahsia di sebalik ritual agama kita. Jika kita sekadar menjadi Islam hanya dengan ritual tanpa actual, maka kita sama dengan agama-agama dalam hutan Amazon yang berhabis-habisan menjalankan ritual tetapi tidak faham mengapa mereka lakukan semua itu.

Istilah penyucian ini amat luas :- penyucian jiwa, spiritual, pemikiran, fokus, dan lain-lain. Dengan bekerja, pemahaman sesuatu ilmu itu berlaku secara praktikal terus, bukan hanya melalui teori. Boleh jadi penyucian lebih berkesan dengan berkerja. Dengan mengalami sendiri, kita akan jadi lebih memahami, peka dan cakna terhadap sesuatu, berbanding sekadar menadah telinga di kuliah ilmu.

Mengenali sikap keji dan mungkar anak-anak, membentuk semula sahsiah mereka juga banyak dilakukan secara analogi TAYAMMUM di RPWP dan AIP. Kita mahu bentuk generasi yang dapat membezakan antara orang yang sekadar 'sebang kancang' dengan orang yang benar-benar komited. Kerjabuat itulah neraca yang sebenarnya.

Kefahaman tentang analogi TAYAMMUM ini akan menjadikan kita umat yang mampu bertimbangtara untuk menimbang pada waktu bila kita perlu berwuduk dan berdakwah dengan kata-kata, pada waktu bila pula perlu bertayammum dan berdakwah melalui kerja. Sesungguhnya Allah Maha Bijaksana dalam mendidik manusia melalui pendidikan yang sangat halus ini.

Alhamdulillah.

WARGA PRIHATIN

**MEMBUANG POKOK TUMBANG DENGAN
SISA TENAGA DI GELAP MALAM –
KEKUATAN KERJA BERJEMAAH**

REMAJA KELIRU IDENTITI – MUROBBIAH & ANAK DIDIK RPWP DI TV AL-HIJRAH

JURUELEKTIK RPWP DI TV ALHIJRAH – TIPS MENGELAK RENJATAN & MENYELAMATKAN ALATAN ELEKTRIK BANJIR

[JURUELEKTIK RPWP DI TV ALHIJRAH – TIPS MENGELAK RENJATAN & MENYELAMATKAN ALATAN ELEKTRIK BANJIR](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

TIPS MENANGANI KENDERAAN BANJIR – MEKANIK RPWP DI TV HIJRAH

[TIPS MENANGANI KENDERAAN BANJIR – MEKANIK RPWP DI TV HIJRAH](#)

[Post](#) by [Warga Prihatin](#).

NOTA BENCANA DARI MARHAEN KEPADA PERDANA MENTERI

[_NOTA BENCANA DARI MARHAEN KEPADA PERDANA MENTERI](#)

//

[Post](#) by [Warga Prihatin](#).

BANJIR DAN LALUAN PENDIDIKAN ANAK-ANAK PRIHATIN

[BANJIR DAN LALUAN PENDIDIKAN ANAK-ANAK PRIHATIN](#)

[Post](#) by [Warga Prihatin](#).

BANJIR DAN LALUAN PENDIDIKAN ANAK-ANAK PRIHATIN – USTAZ SHAUQI TV HIJRAH

KISAH DI SEBALIK KEMAH, DERAIAN HUJAN DAN CAHAYA LILIN

[KISAH DI SEBALIK KEMAH, DERAIAN HUJAN DAN CAHAYA LILIN](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

MISI BANTUAN BANJIR BERPUSAT UNTUK ELAK PEMBAZIRAN – SARAN RPWP DI TV ALHIJRAH

[MISI BANTUAN BANJIR BERPUSAT UNTUK ELAK PEMBAZIRAN – SARAN
RPWP DI TV ALHIJRAH](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

AIR MATA ENGAGEMENT DALAM MISI BANTUAN KEMANUSIAAN PASCA BANJIR – LATA REK

[AIR MATA ENGAGEMENT DALAM MISI BANTUAN KEMANUSIAAN PASCA
BANJIR – LATA REK](#)

[Post](#) by [Warga Prihatin](#).

SAIFUL NANG DI TV HIJRAH – PELANCUNG & WARTAWAN BANJIR

[_SAIFUL NANG DI TV HIJRAH – PELANCUNG & WARTAWAN BANJIR](#)

[Post](#) by [Warga Prihatin](#).

DOA ANAK-ANAK RPWP BUAT MANGSA BANJIR – AIR MATA MASIH MENGALIR JUGA BIARPUN KAMI CUBA TAHAN

[DOA ANAK-ANAK RPWP BUAT MANGSA BANJIR – AIR MATA MASIH
MENGALIR JUGA BIARPUN KAMI CUBA TAHAN](#)

[Post](#) by [Warga Prihatin](#).

BEBERAPA SAAT CEMAS DALAM RAKAMAN PENUH TIMELAPSE KERJA

MEROBOH RUMAH ATAS JALAN

[_BEBERAPA SAAT CEMAS DALAM RAKAMAN PENUH TIMELAPSE KERJA MEROBOH RUMAH ATAS JALAN](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

AIR MATA ENGAGEMENT DALAM MISI BANTUAN KEMANUSIAAN PASCA BANJIR – LATA REK

BANJIR DARI LENSA & SUARA HATI RPWP – CABARAN KERJA MEROBOH RUMAH ATAS JALAN

[BANJIR DARI LENSA & SUARA HATI RPWP – CABARAN KERJA MEROBOH RUMAH ATAS JALAN](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

Kemusnahan hutan punca banjir terburuk – MKN

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM (pengarang@utusan.com.my) | 04 Januari 2015

KUALA LUMPUR 3 Jan. – Bencana banjir terburuk dan tanah runtuh yang berlaku ketika ini disahkan ada kaitan dengan kegiatan pembalakan dan kemusnahan hutan di beberapa tempat serta penerokaan tanah haram di Cameron Highlands.



Mohamed Thajudeen Abdul Wahab

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab berkata, tindak balas semula jadi itu pasti akan berlaku akibat kerakusan `tangan-tangan manusia' sendiri kerana permukaan bumi kehilangan pelindung, daya pengikat dan cengkaman tanah, sekali gus mengakibatkan struktur tanah menjadi longgar dan cerun-cerun bukit tidak stabil.

“Banjir dan pembalakan memang ada kaitan. Kita lihat sendiri paras air naik amat luar biasa iaitu paling teruk selepas kejadian bencana banjir berlaku pada tahun 1967 dan 1971.

“Apa yang kita lakukan terhadap alam semula jadi ada tindak

balas, jadi kita sendiri terima akibatnya,’’ katanya kepada Mingguan Malaysia di sini hari ini.

Dalam pada itu, Mohamed Thajudeen memberitahu, operasi memusnahkan kebun sayur haram di Cameron Highlands akan dimulakan semula selepas kerja-kerja tersebut dihentikan seketika sejak 26 Disember lalu kerana kekangan cuaca tidak baik, selain keadaan jalan yang licin menyukarkan tugas pembersihan.

“Pihak kami akan bermesyuarat Selasa ini untuk melihat sama ada keadaan mengizinkan untuk kita meneruskan kembali tugas-tugas pemusnahan kebun sayur haram itu,’’ katanya.

Sementara itu, beliau berkata, MKN akan membuat taksiran kerugian secara keseluruhan akibat banjir besar yang melanda negara selepas keadaan pulih sepenuhnya.

Kata beliau, pihaknya akan menganalisis semua situasi termasuk nilai kemusnahan rumah penduduk bagi tujuan pembinaan semula membabitkan tiga kategori iaitu penilaian kemusnahan rumah secara total, rumah rosak yang tidak boleh diperbaiki dan rumah separuh rosak boleh diperbaiki.

Jelasnya, ini termasuk kerosakan kemudahan awam lain seperti dewan orang ramai, masjid, sekolah, jalan raya, jambatan dan sebagainya yang belum dapat dipastikan tahap kemusnahannya kerana masih ada tempat ditenggelami air.

“Pada ketika ini kita sudah pun membuat penilaian kerosakan rumah secara berperingkat-peringkat di tempat-tempat yang sudah pulih kerana keutamaan kita adalah membaik pulih rumah.

“Selepas keadaan semuanya pulih, kita akan mulakan kerja-kerja pembaikan dan menilai kerugian selewat-lewatnya dalam tempoh seminggu,’’ katanya.

– See more at:
<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kemusnahan-hutan-punc>

Banjir besar bukan sebab pembalakan – MB Kelantan

4 Januari 2015

—



Yakob

Ahmad

KOTA BHARU – Kerajaan Kelantan menafikan banjir besar yang berlaku di negeri ini adalah berpunca daripada kegiatan pembalakan yang tidak terkawal di Hulu Kelantan.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob berkata, sebaliknya ia disebabkan hujan lebat yang berterusan di Gua Musang pada 21 hingga 23 Disember lalu.

“Saya dengan tegas menyangkal tuduhan ini kerana kerja-kerja pembalakan telah dibekukan di Tanah Tinggi Lojing sejak tahun 2006 lagi.

“Apa yang berlaku hujan lebat selama tiga hari itu telah mencatatkan taburan hujan yang tertinggi iaitu 1,295mm yang bersamaan bagi taburan hujan selama 64 hari,” katanya dalam satu kenyataan kepada media di sini, hari ini.

Ahmad berkata, tuduhan itu disifatkan sebagai ujian yang begitu berat kepada kerajaan dan rakyat negeri ini.

“Ini adalah kekuasaan ALLAH Taala yang telah menurunkan hujan pada kadar yang amat banyak dalam jangka waktu yang amat singkat.

“Saya dengan ini menyeru seluruh rakyat negeri ini agar menginsafi isyarat daripada ALLAH ini,” katanya.

Beliau berkata, dalam fasa banjir ini semua pihak perlu membantu untuk memulihkan semula kawasan-kawasan yang musnah dan menolong mangsa banjir yang kehilangan rumah dan keperluan asas mereka. – Bernama